

U GB 30-10 00373 BA953

aab

BELANJAWAN KALI INI OPTIMISTIK, KATA MAHATHIR

Mahathir - Belanjawan

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata belanjawan negara 1993 merupakan belanjawan yang optimistik yang telah diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan, dan bukan satu khayalan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata belanjawan-belanjawan tahun sebelumnya bercorak lebih konservatif dengan jangkaan kerajaan mengenai perkembangan ekonomi negara sentiasa rendah daripada pencapaian itu sendiri.

Contohnya pada tahun lepas kerajaan membuat jangkaan perkembangan ekonomi negara hanya sebanyak 8.4 peratus, sedangkan pencapaian sebenarnya 8.6 peratus, katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan Tahun 1993 di Parlimen hari ini.

Belanjawan itu dibentangkan oleh Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim mulai pukul 4 petang dan memakan masa sejam 40 minit untuk menyampaikannya.

Dr Mahathir berkata belanjawan itu baik untuk rakyat kerana beberapa pendakwaan baru telah diperkenalkan. Antaranya kadar cukai pendapatan syarikat, individu dan koperasi telah dikurangkan dan rakyat digalakkan lebih menabung melalui peningkatan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. -- Lagi.

▼30/10/18-54MST

U GB 30-10 00138 BA956

bah

Mahathir - Belanjawan 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata bagaimanapun prestasi ekonomi negara pada tahun ini adalah baik walaupun dalam keadaan dunia menghadapi kemelesetan hampir keseluruhan.

Ini bermakna pengurusan kewangan negara dibuat secara cekap memandangkan rizab negara melebihi jumlah hutang dan dapat membiayai perbelanjaan negara hingga 5.6 bulan berbanding dengan tahun lepas hanya 3.6 bulan, katanya.

Dr Mahathir berkata: +Walaupun terdapat tekanan-tekanan ekonomi, kita dapat mencapai matlamat ekonomi lebih daripada apa yang dijangkakan.+

+Malah pendapatan per kapita kita pun telah meningkat kerana nilai mata wang ringgit telah meningkat berbanding dengan dolar Amerika, yang dijadikan asas perkiraan per kapita untuk seluruh dunia.+

Keadaan ini juga telah menggalakan kenaikan pendapatan individu dan cadangan kerajaan mengurangkan kadar cukai pendapatan tidak akan menjejaskan pendapatan negara, katanya. -- Lagi.

▼30/10/19-21MST

bah

Mahathir - Belanjawan 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata strategi kerajaan mengurangkan cukai tertentu adalah untuk menggalakkan perkembangan perniagaan yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dimana kerajaan akan dapat meraih keuntungan melalui cukai perdagangan.

Oleh itu, walaupun kadar cukai pendapatan akan berkurangan jumlah keuntungan daripada cukai pendapatan tetap akan meningkat, katanya.

Beliau berharap pihak peniaga dapat mengurangkan harga barangan yang telah diturunkan kadar cukai pengimportannya dan berharap para pengguna akan memastikan para peniaga berbuat demikian.

Beliau berkata walaupun kadar cukai pendapatan diturunkan dan juga cukai barang-barang import, kerajaan tetap memastikan inflasi dapat dikawal dengan menaikkan kadar pencaruman pekerja dan majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya kurang berbolanja.

Katanya, pakej galakan diperkenalkan untuk menubuhkan ibu pejabat operasi kepada sektor perkilangan adalah untuk menarik syarikat asing yang mempunyai pejabat operasi di negara jiran datang ke negara kita.

Langkah tersebut dapat membawa keuntungan yang menggalakkan kepada negara, katanya.

Beliau berkata dalam keadaan ekonomi negara yang mengalakkan, kadar ringgit telah meningkat berbanding dengan pound sterling yang akan menyebabkan harga kereta Proton Saga meningkat di Britain.

Katanya, kerajaan terpaksa mencari jalan bagi mengatasi masalah ini. - -  
Lagi

▼30/10/19-46MST

CNS6277

R GB 30-10 00136 BA959

bah

Mahathir - Belanjawan 4 Kuala Lumpur

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba menyifatkan belanjawan yang diumumkan sebagai sederhana, melegakan rakyat sambil mengembangkan ekonomi negara.

Ita juga akan menarik lebih ramai pelabur ke negara ini dengan adanya beberapa pengecualian cukai, tambahnya.

+ Dengan pengecualian cukai dan duti import sesetengah peralatan sukan yang dikurangkan akan menggalakan rakyat negara ini melibakan diri dalam aktiviti bersukan, + katanya.

Belanjawan itu juga mengajak rakyat berjimat cermat untuk mengawal inflasi, tambahnya.

Beliau juga percaya kenaikan caruman oleh majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada 12 peratus dan oleh pekerja, sembilan peratus kepada 10 peratus mulai tahun depan tidak akan membebankan mana-mana pihak.

+ Ia langkah wajar ke arah mengurangkan inflasi dan meningkatkan tabungan negara, + katanya. -- Lagi.

♥30/10/19-47MST

CNSG279

R GB 30-10 00132 BA960

bah

Mahathir - Belanjawan 5 Kuala Lumpur

Menteri Kesihatan Datuk Lee Kim Saipula berkata kenaikan duti eksais rokok daripada \$14.30 sekilogram kepada \$28.60 sekilogram akan membantu kempen antimerokok yang dianjurkan oleh kementerian.

Beliau berharap rakyat akan menerima dengan baik kenaikan itu khususnya mereka yang masih mempunyai tabiat merokok.

+ Penambahan cukai itu mungkin menjadi halangan kepada mereka untuk membeli rokok, + katanya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata kementerianannya akan memastikan para peniaga tidak menyalahgunakan peluang pengecualian cukai 600 jenis barangan termasuk barangan makanan, pakaian dan barangan isi rumah yang diumumkan.

+ Kami akan memastikan peniaga tidak menaikkan barangan yang telah dikecualikan daripada cukai supaya rakyat turut menikmati pengecualian itu, + katanya. -- Lagi.

♥30/10/19-48MST

CNS6280

R GB 30-10 00085 BA961

bah

Mahathir - Belanjawan 6 Kuala Lumpur

Bagi memastikan supaya peniaga tidak mengambil kesempatan, pegawai penguatkuasaan akan mengadakan pemeriksaan mengejut ke kedai-kedai dari masa ke semasa.

Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid pula berkata sudah sampai masanya kerajaan membentuk Tabung Industri Pengeluaran Makanan yang akan menyediakan kemudahan kredit bagi membiayai penanaman, pengeluaran dan pengedaran bahan makanan.

Dengan adanya tabung itu, ia akan meningkatkan hasil pertanian bagi menampung keperluan negara yang semakin meningkat, seterusnya mengelakkan inflasi. -- Lagi.

♥30/10/19-48MST

CNS6281  
R GB 30-10 00109 BA962  
bah

Mahathir - Belanjawan 7 Kuala Lumpur

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, menerusi kelulusan peruntukan \$250 juta kepada Kementerian bagi pembelian pesawat pejuang, bermakna kerajaan telah meluluskan pembelian jet-jet pejuang yang berkeupayaan hebat, moden dan berteknologi tinggi untuk menjamin sistem pertahanan negara setanding dengan negara lain.

Beliau berkata, walaupun peruntukan sebanyak itu tidak mencukupi untuk membeli pesawat-pesawat pejuang moden, namun ia hanya merupakan peruntukan awal.

Katanya, pengumuman akan dibuat tidak lama lagi bagi menjelaskan jenis-jenis jet pejuang yang akan dibeli berdasarkan faktor tertentu.

+Kita kini bersedia untuk membuat keputusan muktamad dalam pembelian 'jet-jet itu', tambahnya. -- Lagi.

▼30/10/19-49MST

4

CNS6283  
R GB 30-10 00158 DA363  
M 1

Mahathir - Belanjawan 8 Kuala Lumpur

Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr Sulaiman Daud yang berpuas hati dengan peruntukan \$7.312 juta -- terbesar dalam belanjawan -- yang dipcruntukkan kepada kementeriannya berkata, penekanan akan diberikan kepada pendidikan teknik dan vokasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya arahan telah dikeluarkan untuk mengka ji semula penekanan dalam bidang pendidikan itu bagi meningkatkan peratusan pelajar teknik dan vokasional di seluruh negara melalui penambahan lebih banyak kemudahan fizikal.

Kementerian ini juga bercadang untuk menambah pengambilan pelajar di sekolah teknik dan vokasional tanpa membabitkan tambahan kemudahan umpamanya bagi mereka yang tinggal berdekatan dengan sekolah-sekolah itu, mereka tidak perlu tinggal di asrama.

Matlamat kementerian ialah untuk menambahkan pengambilan pelajar sekolah teknik dan vokasional kepada 70,000 dalam masa lima tahun, katanya.

Selain itu kurikulum teknik dan vokasional akan dikaji semula agar ia dapat menyediakan kursus-kursus yang boleh melahirkan graduan yang diperlukan oleh pasaran. -- Lagi.

▼30/10/19-50MST

CNS6316  
R GB 30-10 00092 BA964  
bah

Mahathir - Belanjawan 3 Kuala Lumpur

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Encik Law Hieng Ding berkata, pengecualian cukai pendapatan ke atas anugerah rasmi wang tunai yang diterima oleh para saintis patut diterima baik oleh golongan itu.

Beliau berkata, secara tidak langsung ini akan menonjolkan lebih ramai saintis untuk tampil memberi sumbangan mereka kepada negara melalui hasil ciptaan masing-masing.

Insentif itu juga akan menggalakkan lebih ramai generasi muda menjadi saintis dan sekali gus memperkembangkan bidang sains di negara ini. -- Lagi.

▼30/10/20-25MST

CNS6328

R GB 30-10 00193 BA965

bah

Mahathir - Belanjawan 10 Kuala Lumpur

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S Samy Vellu berkata bahawa cukai perkhidmatan lima peratus bagi perkhidmatan telekomunikasi tidak akan membebankan rakyat kerana ia hanya akan dikenakan terhadap jumlah bil manakala kadar tarif masih sama.

Sebagai industri moden dan berteknologi tinggi, kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuknya dan kerana itu industri itu perlu dibantu dan dipelihara.

Cukai perkhidmatan lima peratus bagi perkhidmatan telekomunikasi -- telefon, faksimili, keleni, telefon bersel dan perkhidmatan telex -- akan berkuatkuasa dari 1 Jan tahun depan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata langkah kerajaan bagi menubuhkan Tabung Perkapalan selaras dengan per r n i n t a a n kalangan perkapalan untuk menggalakkan pertumbuhan industri itu.

Katanya, kemampuan perkapalan negara cuma meliputi kurang 15 peratus jumlah perdagangan negara dan masalah utamanya ialah kekurangan bantuan kewangan.

Kerana itu penubuhan tabung dengan modal \$800 juta itu akan meningkatkan lagi industri perkapalan di negara ini, katanya.

Beliau menjangka kemampuan perkapalan negara akan berkembang sebanyak 40 hingga 50 peratus selepas penubuhan tabung itu yang akan dikendalikan bersama oleh Perbendaharaan dan Bank Negara. -- Lagi.

▼30/10/20-41MST

CNS6331

R GB 30-10 00149 BA966

bah

Mahathir - Belanjawan 3.1 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha berkata belian sangat tertarik hati dengan kaedah pengecualian cukai pendapatan bagi anugerah gantian cuti rehat ke atas kaki tangan awam yang bersara.

Katanya, ini dibuat kerana kerajaan berasa perlu berterima kasih kepada pengorbanan kaki tangan kerajaan yang menjalankan pentadbiran negara dengan cemerlang dan licin selama ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik berkata, belanjawan yang dibentangkan kali ini dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi disamping dapat mengawal inflasi ke tahap rendah iaitu tidak melebihi empat peratus.

Beliau yang juga Presiden Gerakan Kebangsaan, berkata kini wujud reformasi cukai apabila cukai jualan dan cukai perkhidmatan digabungkan menjadi cukai jualan dan perkhidmatan.

Katanya, apa yang dicadangkan melalui cukai itu jangan diperluaskan lagi skopnya agar pendapatan rakyat berpendapatan rendah tidak terjejas. -- Bernama.

▼30/10/20-41MST